



**Majlis Peguam  
Bar Council Malaysia**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

15 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2050 2050  
Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818  
Email : [council@malaysianbar.org.my](mailto:council@malaysianbar.org.my)

**Circular No 187/2018  
Dated 30 July 2018**

To Members of the Malaysian Bar

**Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil 2 Tahun 2018**

**Sistem e-Kehakiman di Mahkamah: Pematuhan Proses Kerja Bagi Pendaftaran Kes Semakan Jenayah dan Sivil (Revision) di Mahkamah Tinggi Malaya**

The Chief Registrar of the Federal Court of Malaysia, Dato' Sri Latifah binti Haji Mohd Tahar, has extended to us a copy of Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil 2 Tahun 2018 ("Arahan Pentadbiran Bil 2/2018") dated 25 July 2018, with regard to compliance with the work process for the registration of criminal and civil (revision) cases using the e-Court system, at the High Court of Malaya.

Please be informed that Arahan Pentadbiran Bil 2/2018 will come into operation on **1 Aug 2018 (Wednesday)**.

A copy of Arahan Pentadbiran Bil 2/2018 is attached for your reference.

Thank you.

**Roger Chan Weng Keng  
Secretary  
Malaysian Bar**



**RAISING THE BAR**  
Innovate • Integrate • Emulate  
[imlc2018@malaysianbar.org.my](mailto:imlc2018@malaysianbar.org.my)

**INTERNATIONAL MALAYSIA LAW CONFERENCE 2018**

14-17 August 2018 The Regency Hotel Kuala Lumpur





Ruj. Tuan :

PKPMP.PKP.600-1/4/2

Ruj. Kami :

25 Julai 2018

Tarikh :

Pengarah Mahkamah Negeri  
Semenanjung Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN  
KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
BIL. 2 TAHUN 2018

SISTEM e-KEHAKIMAN DI MAHKAMAH:  
PEMATUHAN PROSES KERJA BAGI PENDAFTARAN KES SEMAKAN  
JENAYAH DAN SIVIL (*REVISION*) DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi tujuan penyeragaman Proses Kerja Pendaftaran Kes Semakan Jenayah dan Sivil (*Revision*) di Mahkamah Tinggi Malaya yang menggunakan Sistem e-Kehakiman, Arahan ini hendaklah dipatuhi.

**PROSES KERJA**

3. Proses kerja bagi pendaftaran kes semakan jenayah dan sivil (*revision*) di Mahkamah Tinggi Malaya yang menggunakan Sistem e-Kehakiman adalah seperti yang berikut:

- (a) surat permohonan untuk semakan jenayah/sivil hendaklah dikemukakan oleh pemohon secara manual ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di lokasi yang berkenaan;
- (b) Surat permohonan tersebut hendaklah direkodkan ke dalam buku rekod permohonan semakan jenayah dan sivil (*revision*) sebagaimana **Lampiran A dan B**;

- (c) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah mengemukakan surat permohonan tersebut pada hari yang sama kepada Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman untuk mendapatkan arahan lanjut;
- (d) sekiranya Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman mendapati permohonan tersebut tidak perlu ditetapkan untuk pendengaran, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memaklumkan arahan tersebut kepada pihak-pihak dan mengemaskinikannya di dalam buku rekod permohonan semakan jenayah dan sivil (*revision*);
- (e) sekiranya Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman mendapati permohonan semakan perlu didengar, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah—
  - (i) mendaftarkan permohonan semakan melalui Sistem CMS dengan menggunakan Biro Perkhidmatan;
  - (ii) mengemas kini buku rekod permohonan semakan jenayah dan sivil (*revision*) dengan nombor pendaftaran kes yang dijana daripada Sistem CMS; dan
  - (iii) memaklumkan nombor pendaftaran kes dan tarikh pendengaran permohonan kepada pihak-pihak;
- (f) dalam keadaan semakan apa-apa perkara atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah di mana-mana mahkamah rendah oleh Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman atas usulnya sendiri, proses kerja dalam perenggan (e) adalah terpakai.

4. Pemfailan dokumen yang selanjutnya oleh pihak-pihak boleh dibuat secara dalam talian menggunakan nombor pendaftaran kes yang diberikan.

#### **PENYEDIAAN STATISTIK**

5. Bagi tujuan penyediaan statistik bulanan atau statistik berkaitan, hanya kes yang didaftarkan melalui Sistem CMS sahaja yang akan diambil kira.

#### **KETIDAKPATUHAN DAN PELANGGARAN ARAHAN**

6. Apa-apa ketidakpatuhan dan pelanggaran Arahan ini boleh menyebabkan suatu surat tunjuk sebab dikeluarkan terhadap pegawai atau kakitangan yang berkenaan.


## **PERMULAAN KUAT KUASA**

7. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **1 Ogos 2018**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)  
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Salinan kepada:

**YAA Ketua Hakim Negara**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**YAA Hakim Besar Malaya**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Peguam Negara**  
Jabatan Peguam Negara  
PUTRAJAYA

**Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pengarah Bahagian Dasar dan Kehakiman**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pengarah Bahagian e-Kehakiman**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pustakawan**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Presiden**

Majlis Peguam Malaysia  
KUALA LUMPUR

**Presiden**

Persatuan Undang-Undang  
SABAH

**Presiden**

Persatuan Peguam bela Sarawak  
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching  
SARAWAK

LAMPIRAN A

BUKU REKOD PERMOHONAN SEMAKAN SIVIL (REVISION) DI MAHKAMAH TINGGI.....  
TAHUN .....

BIL	NO. DAFTAR	TARIKH PENERIMAAN SURAT PERMOHONAN	NO. PENDAFTARAN KES ASAL	PIHAK-PIHAK DALAM TINDAKAN	PEMOHON	YA HAKIM / PESURUHJAYA KEHAKIMAN	ARAHAN HAKIM / PESURUHJAYA KEHAKIMAN*	NO. PENDAFTARAN KES BAHARU (SEKIRANYA PERMOHONAN SEMAKAN DIBENARKAN)
1	CA-1/2018	10.7.2018	CA-72-07-02/2018	Ali bin Abg ...Plaintif (Tetuan Ahmad & Co) Dan Siti Nur ...Defendan (Tetuan Liza & partners)	Plaintif (Tetuan Ahmad & Co)	YA Tuan Ali bin Abu Kasim	Permohonan untuk semakan tidak dibenarkan.	-
2	CA-2/2018	10.7.2018	CA-72-07-02/2018	Ali bin Abg ...Plaintif (Tetuan Ahmad & Co) Dan Siti Nur ...Defendan (Tetuan Liza & partners)	Defendan (Tetuan Liza & partners)	YA Tuan Ali bin Abu Kasim	Permohonan untuk semakan dibenarkan.	CA-13-09-02/2018
3	CA-3/2018							
4	CA-4/2018							
5	CA-5/2018							

\*Nota: Ruang ini hendaklah diisi selepas permohonan semakan dirujuk kepada Yang Arif Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman untuk mendapatkan arahan sama ada permohonan semakan ini akan didengar ataupun tidak.

LAMPIRAN B

BUKU REKOD PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH (REVISION) DI MAHKAMAH TINGGI.....  
TAHUN .....

BIL	NO. DAFTAR	TARIKH PENERIMAAN SURAT PERMOHONAN	NO. PENDAFTARAN KES ASAL	PIHAK-PIHAK DALAM TINDAKAN	PEMOHON	YA HAKIM / PESURUHJAYA KEHAKIMAN	ARAHAN HAKIM / PESURUHJAYA KEHAKIMAN*	NO. PENDAFTARAN KES BAHARU (SEKIRANYA PERMOHONAN SEMAKAN DIBENARKAN)
1	CA-1/2018	10.7.2018	CA-83-07-07/2018	Pendakwa Raya Lawan Pin bin Ngah (770912-02-2067)	Pendakwa Raya	YA Tuan Ali bin Abu Kasim	Permohonan untuk semakan <b>dibenarkan</b>	CA-44-09-08/2018
2	CA-2/2018	10.7.2018	CA-83-07-07/2018	Pendakwa Raya Lawan Pin bin Ngah (770912-02-2067)	Mahkamah Sesyen / Majistret	YA Tuan Ali bin Abu Kasim	Permohonan untuk semakan <b>tidak dibenarkan</b>	-
3	CA-3/2018							
4	CA-4/2018							
5	CA-5/2018							

\*Nota: Ruang ini hendaklah diisi selepas permohonan semakan dirujuk kepada Yang Arif Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman untuk mendapatkan arahan sama ada permohonan semakan ini akan didengar ataupun tidak.